



TAWARAN MELANJUTKAN PENGAJIAN DI ALBUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY (AIU) DENGAN PENAJAAN BIASISWA UNTUK SESI KEMASUKAN OKTOBER 2021

Sukacita dimaklumkan bahawa Albukhary International University (AIU) menawarkan peluang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di AIU dengan penajaan biasiswa oleh Yayasan Albukhary kepada para graduan di kalangan B40 dan ke bawah yang berkecukupan.

Tawaran biasiswa ini merangkumi perkara berikut:

1. Yuran pengajian untuk tempoh tiga (3) tahun pengajian;
2. Yuran penginapan untuk tempoh tiga (3) tahun pengajian; dan
3. Elaun makan minum untuk tempoh tiga (3) tahun pengajian.

Walau bagaimanapun, tawaran biasiswa tidak merangkumi yuran pendaftaran (sekali sahaja bayaran), bayaran insurans, dan bayaran deposit (dibayar balik apabila tamat pengajian).

Manakala syarat biasiswa pula ialah seperti berikut:

1. Berumur di antara 18 - 22 tahun pada tahun kemasukan;
2. Bujang;
3. Pendapatan bulanan keluarga di bawah kadar berikut:
 - i. Kategori 1 : Sabah & Sarawak : RM2,400;
 - ii. Kategori 2: Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu: RM2,900;
 - iii. Kategori 3: Selangor, W.P. KL W.P. Putrajaya, W.P. Labuan: RM5,300; dan
4. Mempunyai CGPA minimum iaitu 2.80 dan ke atas di peringkat Diploma atau Asasi.

Jawatankuasa Biasiswa AIU akan membuat pertimbangan berdasarkan syarat serta prestasi graduan semasa temuduga biasiswa dijalankan. Jawatankuasa Biasiswa AIU berhak menentukan sebarang bentuk keputusan dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.



Semua program akademik yang ditawarkan di AIU diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi. Para graduan boleh mendapatkan maklumat program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di AIU melalui pautan https://www.iic.edu.my/docs/AIU_Prospectus_Sept2020.pdf . Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui <http://apply.aiu.edu.my> .

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, para graduan boleh melayari laman web www.aiu.edu.my atau menghubungi Sekretariat Biasiswa AIU seperti berikut:

1. Cik Siti Nur Aqilah Binti Muhammad Anwar di talian 016-408 7957 atau 04-7747 392 atau melalui emel aqilah.manwar@aiu.edu.my, atau
2. Cik Maryam Spahic di talian 018-968 0078 atau 04-7747 426 atau melalui e-mel maryam.spahic@aiu.edu.my .

Terima Kasih.

Dikeluarkan oleh,

Pejabat Pembangunan Perniagaan & Komunikasi Korporat

1 Mac 2021